


KISAH KEJAYAAN PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK

| ITEM JENIS | INFORMATION MAKLUMAT |
|---|---|
| Name of PI1M Nama PI1M | PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK |
| Location Lokasi | BATU 3, KAMPUNG SELABAK 36000 TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN |
| Name of person(s) Nama | NORAINI BT A.KHALID 520608-08-5348 |
| Details of person (s) Butiran diri | 62 TAHUN PEREMPUAN PENIAGA |
| Success story Kisah kejayaan | <p>Tercabar dengan gelagat dan kepintaran cucu bermain komputer, seorang nenek, Noraini Bt A.Khalid nekad untuk mengikuti kelas komputer bagi memastikan dirinya seiring perkembangan teknologi. Beliau yang merupakan seorang peniaga mengambil keputusan untuk mengikuti kelas komputer di Pusat Internet 1Malaysia(PI1M) Kampung Selabak kerana mengakui, kemahiran komputer akan memudahkannya melakukan urusan kerja. Beliau langsung tidak tahu mengenai komputer, apatah lagi teknologi sekarang yang semakin canggih sedangkan anak dan cucu-cucunya sangat mahir menggunakannya. Jadi, daripada beliau terlalu bergantung kepada anak dan cucu, lebih baik jika beliau mahir memanfaatkan teknologi. Menurut beliau, anak dan cucu memberi sokongan sepenuhnya dan beliau menganggap bidang IT sangat penting pada zaman sekarang sehinggakan cucu berumur tiga tahun pun sudah pandai menggunakan komputer.</p> <p>Beliau yang berumur 62 tahun mengakui sanggup datang ke Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kampung Selabak setiap hari Selasa dan Khamis walaupun jarak antara rumahnya dengan PI1M lebih kurang 5km semata-mata mahu memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat seperti Asas Komputer & Microsost Office Word memandangkan bidang tersebut mendapat sambutan pada zaman teknologi ini.</p> |


| ITEM JENIS | INFORMATION MAKLUMAT |
|------------|---|
| | <p>Puan Noraini bukanlah komuniti tempatan Kampung Selabak namun hasil dari aktiviti promosi yang dijalankan dan mendengar perkhabaran dari rakan-rakan, beliau mengetahui mengenai PI1M Kampung Selabak yang mula dibuka kepada orang ramai sejak Januari 2014. Mendengar perkhabaran tersebut, beliau terus mendaftarkan diri sebagai ahli dan mengikuti kelas Asas Penggunaan Tetikus & Papan Kekunci sebagai permulaan memandangkan beliau masih kekok untuk memegangnya.</p> <p>Menurutnya, peluang sebegini tidak seharusnya dilepaskan oleh golongan warga emas seperti beliau kerana membawa banyak manfaat kepada masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat Luar Bandar kerana dengan pengetahuan komputer ini mampu menjana pendapatan dan meningkatkan ilmu pengkomputeran.</p> <p>Beliau akan terus mempelajari mengenai komputer khususnya mengenai Microsoft Office Word dan Internet kerana melalui Microsoft Office Word beliau dapat membuat pelbagai jenis surat, poster, jadual, graf, carta dan sebagainya manakala dengan internet pula banyak maklumat yang mampu diperolehi tidak kira dari segi kesihatan mahupun perihal keagamaan.</p> <p>Penubuhan PI1M di Kampung Selabak ini menurut beliau dapat membantu masyarakat setempat termasuk golongan warga emas seperti beliau mendapat pengetahuan dengan lebih jelas mengenai komputer. Penduduk kampung disini amat bertuah dengan kewujudan PI1M dimana bukan sahaja boleh belajar malah boleh mendapat maklumat dengan cepat selain dapat membuka minda masyarakat luar bandar dengan dunia Microsoft Office Word dan Internet yang kini semakin dipelopori oleh masyarakat dunia.</p> <p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i> <i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Bagi Puan Noraini, setelah menghadiri kelas Microsoft Office Word yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak, barulah beliau mengetahui cara-cara memegang tetikus dengan betul, menaip di atas papan kekunci, mengetahui ciri-ciri yang terdapat dalam Microsoft Office Word dan selepas ini beliau ingin mendalami tentang internet. Beliau boleh memperoleh pelbagai maklumat melalui internet lebih-lebih lagi mengenai kesihatan memandangkan usia beliau yang semakin meningkat. Jadi, dengan adanya internet dan tempat yang selesa seperti di PI1M Kampung Selabak membolehkan beliau menggunakan</p> |

| ITEM JENIS | INFORMATION MAKLUMAT |
|--|---|
| | <p>kemudahan tersebut untuk mencari maklumat yang boleh meningkatkan diri beliau dari segi ilmu pengetahuan, perihal keagamaan mahupun kesihatan. Bagi beliau, mempelajari Microsoft Office Word dan internet sangat penting pada masa kini memandangkan ramai yang menggunakan kemudahan tersebut sebagai medium pengetahuan.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Puan Noraini menganggap bahawa internet adalah medium mencari informasi yang sangat bagus dan berguna. Dengan internet juga Puan Noraini boleh membuka laman web untuk mencari maklumat mengenai perniagaan, penjagaan kesihatan yang betul dan kegamaan sekaligus menggunakan informasi tersebut untuk diaplikasikan di dalam kehidupan sehariannya.</p> |
| <p>Keterangan gambar Photo caption</p> |  <p><i>Puan Noraini sedang belajar mengenai WordArt dan Clip Art sebagai asas membuat poster di dalam Microsoft Office Word 2010.</i></p> |

**ITEM
JENIS**

**Photo caption names
Keterangan gambar
berserta nama**


**INFORMATION
MAKLUMAT**



Puan Noraini gigih menaip di atas papan kekunci semasa mengikuti latihan menaip kerana sebelum mengikuti kelas Microsoft Office Word 2010, beliau perlu mempelajari asas menaip memandangkan beliau tidak pernah menggunakan komputer sebelum ini.



Puan Noraini begitu bersemangat menaip artikel di dalam Microsoft Office Word 2010 sebagai salah satu modul latihan yang disediakan.

| ITEM JENIS | INFORMATION MAKLUMAT |
|---------------------------------|--|
| |  <p><i>Puan Noraini kususuk menaip artikel semasa menghadiri Kelas Microsoft Office Word 2010 mengikut modul latihan yang disediakan.</i></p> |
| Feedback Maklumbalas | <ol style="list-style-type: none"><i>1. What was your first impression towards PI1M? Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i> Kewujudan PI1M di Kampung Selabak merupakan satu medium untuk menimba ilmu dan tempat mencari maklumat kerana bagi beliau, kewujudan PI1M merupakan keperluan kepada masyarakat kini lebih-lebih lagi kepada komuniti luar Bandar yang kurang mendapat pendedahan mengenai ICT. Melalui PI1M, banyak maklumat boleh diperolehi dan mampu meningkatkan taraf hidup jika menggunakan informasi tersebut dengan sebaik-baiknya.<i>2. What attracted you to come and use the facilities in PI1M? Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M? Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> Tarikan utama yang membimbing beliau untuk datang ke PI1M adalah keadaan dan suasana PI1M yang tenang membuatkan beliau tidak berasa malu untuk belajar walaupun tidak ramai rakan seusia beliau yang datang menghadiri kelas dan beliau belajar bersama pelajar-pelajar yang lebih muda daripada beliau. Keadaan tersebut memudahkan beliau untuk memberikan tumpuan semasa sesi pembelajaran. Selain kemudahan PI1M yang lengkap dan |

| ITEM JENIS | INFORMATION MAKLUMAT |
|---------------|--|
| | <p>selesa, kadar bayaran penggunaan yang agak rendah berbanding di siber kafe lain turut menjadi tarikan PI1M.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful? Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>PI1M dapat membantu seseorang individu/kumpulan mencapai kejayaan melalui kelas/bengkel yang disediakan serta modul yang mudah difahami. Dengan adanya kemudahan tersebut, individu dapat memahami dengan lebih mudah dan selesa menimba ilmu di PI1M.</p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc) Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Puan Noraini berharap dan mencadangkan agar PI1M dapat menyediakan sijil penyertaan bagi membuktikan bahawa mereka telah menamatkan pembelajaran dan berharap agar lebih banyak kelas/bengkel dijalankan untuk warga emas.</p> |